

'Pukulan' soto makasar Labuan rentasi Laut China Selatan

SOTO merupakan salah satu juadah yang cukup popular bukan sahaja di seluruh Malaysia bahkan di seluruh nusantara.

Bagi penduduk Labuan, soto makasar adalah satu jenis soto yang tidak asing lagi malah sering menjadi menu utama pada majlis-majlis keramaian selain menjadi pilihan warga tempatan mengalas perut sebelum bekerja di pagi hari.

Kini soto makasar Labuan bukan sahaja menjadi kegemaran warga tempatan tetapi sudah menjadi buruan peminatnya yang datang dari luar pulau bebas cukai itu.

Seorang peniaga soto makasar, Lindawati Lani, 36, pengalaman dengan seorang pelanggan yang merupakan juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) meninggalkan kesan kepada dirinya.

"Jika dia (juruterbang TUDM) kebetulan melakukan penerbangan ke Labuan, dia tidak akan melepaskan peluang untuk membawa pulang soto makasar ke Semenanjung

yang berasal dari Indonesia, soto makasar kami mempunyai rasa asli seperti di tempat asal mereka malah pernah seorang pelanggan yang sudah berpindah dari Labuan menyatakan rasa soto mereka masih sama seperti yang pernah dinikmatinya empat tahun lalu," jelasnya yang ditemui baru-baru ini.

Mengimbau kembali sejarah soto makasar dalam keluarga mereka, Lindawati



LINDAWATI



RADHA



FITRI



SHAHRUL NIZAM



RAFIDAH

